

Headline	40 pencawang elektrik di Kelantan dinaik taraf elak ditenggelami banjir		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	27 Nov 2019	Circulation	140,000
Section	Nasional	Readership	420,000
Page No	34	ArticleSize	205 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 4,346
Journalist	N/A	PR Value	RM 13,038
Frequency	Daily		



## 40 pencawang elektrik di Kelantan dinaik taraf elak ditenggelami banjir



Mohd Elmi (kiri) memeriksa bilik jana kuasa di PPS SMK Zainab 2 bagi memastikannya berfungsi dengan baik semalam.

**KOTA BHARU** - Sebanyak 40 pencawang elektrik milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di seluruh Kelantan dinaik taraf bagi memastikan keselamatan pengguna dan mengelakkan ditenggelami banjir.

Pengarah Penguatkuasaan dan Operasi Kawasan Suruhanjaya Tenaga (ST), Mohd Elmi Anas berkata, jumlah itu daripada keseluruhan 49 pencawang yang dikenal pasti berkecimpungkan ditenggelami banjir di 10 daerah di negeri itu.

Menurutnya, langkah mitigasi terhadap pencawang sedia ada itu dilakukan bagi memastikan peralatan pencawang tidak terendam banjir dan meminimumkan masalah gangguan bekalan.

"Sejumlah RM800,000 peruntukan diperoleh untuk kerja naik taraf pencawang tersebut adalah persediaan awal bagi menghadapi banjir pada bila-bila masa saja dari sekarang.

"Menjadi keutamaan ST menjamin keselamatan pengguna dan memastikan mereka terus menerima bekalan elektrik," katanya kepada pemberita ketika Lawatan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Zainab 2 di sini semalam.

Mohd Elmi berkata, bagi mengelakkan pengguna terputus bekalan elektrik, TNB juga menempatkan 120 set alat jana kuasa (genset) ke tiga negeri iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang.

"Terdapat 29 genset bergerak iaitu 10 di Kelantan, sembilan di Pahang dan 10 di Terengganu ditempatkan di PPS.

"Sejumlah 54 genset mudah alih juga disediakan di Kelantan, 15 di Pahang dan 22 di Terengganu. Keseluruhan jumlah ini akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan," katanya.